



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

13 November 2015 / 1 Safar 1437

Bersangka Baik Kepada Setiap Insan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Alhamdulillah sekali lagi Allah memberi kita peluang untuk bersama menerima limpahan kurnia dan pahala daripada Allah di hari Jumaat yang mulia ini. Marilah kita buktikan kesyukuran kita dengan lebih bertakwa dan berusaha memastikan agar kita tidak mengabaikan sebarang perintah Allah mahupun melanggar laranganNya.

Saudara sekalian,

Khutbah pada minggu lepas telah membicarakan kepentingan pendidikan agama buat ahli keluarga kita dan bagi mereka yang terdekat dengan kita. Bahkan diri kita sebagai waris dan orang tua juga, perlu memiliki ilmu pengetahuan agama yang mencukupi, dan bukan sahaja mengharapkan perubahan pada diri anak-anak. Pada minggu ini, saya ingin membawa perhatian kita akan kepentingan untuk tidak mengabaikan sokongan dan pendidikan agama buat satu lagi golongan di kalangan kita. Mereka yang saya maksudkan ialah individu yang pernah menjadi pesalah laku dan pernah melakukan jenayah tetapi kemudian ingin kembali ke pangkal jalan memperbaiki diri dan kehidupan. Di sini saya ingin mengajak kita untuk meninjau kehalusan akhlak Nabi s.a.w. di dalam mendokong pembangunan orang yang pernah melakukan kesilapan.

Imam Bukhari meriwayatkan bahawa terdapat seorang lelaki di zaman Nabi yang suka membuat Nabi tertawa dan menghiburkan Nabi s.a.w. namun malangnya beliau ini juga mempunyai kelemahan iaitu tabiat meminum arak. Sudah berkali-kali dijatuhkan hukuman ke atasnya namun tetap berulang. Sehingga pada suatu ketika seorang sahabat berkata: *“Allahumma, Ya Allah engkau timpakanlah laknatMu ke atas lelaki ini”*. Ketika itu Nabi s.a.w. berkata: *“Janganlah*

kamu melaknatinya kerana demi Allah aku tidak tahu kebaikannya kecuali beliau ini mengasihi Allah dan Rasulnya.”

Subhanallah! Ini dia akhlak Nabi s.a.w. dalam menyampaikan dan melihat kepada kebaikan setiap insan. Bukan saya ingin katakan bahawa kita membiarkan orang yang bermaksiat terus bermaksiat. Sekali-kali tidak. Tetapi apa yang saya maksudkan adalah bagaimana meskipun Nabi s.a.w mengetahui kelemahan orang itu namun Nabi s.a.w. mengiktiraf kekuatan dan kebaikannya. Sebab sejahat mana pun seseorang itu, pasti ada unsur kebaikan pada dirinya. Dan itulah yang diajar Nabi s.a.w. di dalam mengundang orang kepada Allah.

Saudaraku,

Kita ini semua adalah manusia yang banyak melakukan kesilapan, noda dan dosa. Kita semestinya pernah dilalaikan oleh syaitan sehingga melanggar perintah Allah. Untuk itu marilah kita sama-sama tundukkan diri kita pada saat mustajab ini memohon keampunan daripada Allah. Namun, meskipun dosa kita ini menggunung tinggi, kita beruntung bahawa rahmah dan kasih sayang Allah s.w.t. mengatasi kemarahan dan kemurkaannya. Oleh itu kita dapati Allah s.w.t. berfirman di dalam ayat 53-54 surah Az-Zumar:

﴿ قُلْ يَعْبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ ۝

اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ۝٥٣﴾

وَأَنِيبُوا إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَأَسْلِمُوا لَهُ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ ثُمَّ
لَا تُنصَرُونَ

Yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserah bulat-bulat kepadaNya, sebelum kamu didatangi azab; kerana sesudah itu kamu tidak akan diberikan pertolongan”.

Saudara,

Terdapat dua maksud disebalik ayat ini yang ingin saya kongsi bersama para Jemaah sekalian. **Yang pertama:** Allah sentiasa menantikan untuk kita kembali tunduk kepadaNya. Untuk kita mengiktiraf kesilapan dan dosa kita kepadaNya agar Allah kemudian dapat mencurahkan sebanyak-banyak limpahan rahmah, kebaikan dan nikmat yang tiada terhitung oleh kita. Setiap malam Allah akan turun dekat dengan kita menunggu pada sepertiga akhir adakah yang ingin memohon ampun agar Allah dapat mengampunkan? Bahkan di dalam satu hadith qudsi Allah menyebutkan bahawa jika kita ini datang berjalan menujuNya ia akan datang berlari kepada kita.

Menunjukkan betapa Allah dambakan untuk kita ini datang memohon rahmahNya yang tiada bertepi.

Maksud **yang kedua** dari ayat tersebut: Selain daripada mengingatkan kita agar jangan pernah berputus asa dan merasakan bahawa Allah tidak akan pernah ingin mengampunkan kita, ayat ini juga mengingatkan kita agar kita jangan pernah berputus harapan bahawa saudara mara kita yang masih jauh dari Allah tidak akan sekali-kali menerima hidayah Allah lalu berubah. Allah s.w.t. mengingatkan kita untuk memandang rendah kepada saudara mara yang mungkin belum tergerak untuk menerima hidayah Allah s.w.t. Janganlah kita ini apabila melihat mungkin ada antara saudara mara kita yang dikenali dengan maksiat atau masih mengabaikan perintah Allah kita lontarkan kata-kata kesat kepada mereka. Kita pandang serong terhadap usaha kecil mereka untuk mempelajari agama. Bahkan merekalah yang seharusnya dibimbing dan diberikan ilmu agama.

Kita boleh mengajaknya terus untuk berjinak-jinak dengan aktiviti sukarelawanan yang membantu orang lain. Pada masa yang sama ketika membantu orang dan waktu solat telah masuk kita boleh mengajaknya bersama. Atau sekiranya dia belum sedia untuk mengamalkan agama, maka jangan kita sisihkan dia daripada kita, jangan kita lontarkan kata-kata yang boleh menyinggung mahupun menjatuhkan air mukanya. Kita

teruskan amalan kita sehingga hatinya lembut. Jika kita ada teman mahupun ahli keluarga seperti itu, maka libatkanlah mereka dalam aktiviti kita bersama. Jika perlu kita bantu mereka untuk membina kehidupan mereka semula menjadi lebih baik lagi. Mudah-mudahan dengan demikian Allah akan membukakan ruang di dalam hatinya untuk menerima hidayah Allah.

Saudara,

Kita perlu pastikan selalu bahawa hati kita ini tidak dikuasai perasaan sombong atau bongkak bahawa kita sudah lebih beragama mahupun lebih baik daripada orang lain. Ini merupakan permainan syaitan yang perlu kita berhati-hati dengannya. Untuk yang sudah melazimi ceramah agama dan melakukan kebajikan, beringatlah Syaitan mungkin tidak dapat menghalang kita daripada beribadah, tetapi dia boleh menipu hati kita untuk timbul rasa riya, ujub dan sombong dengan amalan kita sehingga pada hakikatnya kita kerugian dan tidak mendapatkan sebarang kebaikan daripada amal bakti dan ibadah kita.

Saudara, kita tidak tahu mungkin sahaja orang yang kelihatannya seperti ahli maksiat pada suatu saat sebelum kematiannya bertaubat dengan taubat nasuha sehingga ia diterima Allah dalam kebaikan dan digolongkan dalam kumpulan mereka yang diredhai. Bukankah pernah ada suatu

kisah yang diriwayatkan Imam Muslim, seorang wanita yang sudah bernikah di zaman Nabi s.a.w. berzina dan kemudian setelah menanggukkan hukumannya, Nabi lalu memerintahkan agar dilaksanakan. Selepas selesai, Nabi s.a.w. lalu menyembahyangkan jenazah beliau. Saidina Umar r.a. kemudian bertanya: *“Ya Rasulallah, adakah kamu menyembahyangkan beliau sedangkan beliau sudah berzina?”*. Rasulullah menjawab: *“Wanita ini sudah bertaubat dengan taubat yang agung sehingga jika ia dibahagikan kepada tujuh puluh orang penduduk Madinah nescaya cukup mengampunkan dosa-dosa mereka”*.

Maka kepada sesiapa yang merasakan bahawa dirinya berdosa yang amat banyak kepada Allah, janganlah berputus harapan. Mohonlah pengampunan dan kekuatan daripada Allah dan berusaha meninggalkan dosa-dosa itu. Dan ketahuilah, begitu banyak peluang untuk kita meraih keampunan tuhan, terlalu banyak ruang dan peluang Allah kurniakan untuk mengejar rahmat dan pengampunanNya. Nabi bersabda yang bermaksud: *“Solat lima waktu dan Jumaat ke Jumaat dan Ramadan ke Ramadan adalah penghapus dosa diantara keduanya selama dosa-dosa besar dijauhi”*. [Hadith riwayat Imam Muslim]

Mudah-mudahan Allah s.w.t. memberikan kita bimbingan dan panduanNya sehingga kita diterima di sisi Allah sebagai

hamba-hambaNya yang diredhai dan dikasihi. Amin ya Rabbal
'alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.